



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

### SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN PELANCARAN *MYDEMOGRAPHY DASHBOARD*

---

#### TRANSISI DEMOGRAFI DAN MENYEDIAKAN NEGARA DALAM MENDEPANI CABARAN MASA HADAPAN

**PUTRAJAYA, 21 JULAI 2022** – Jabatan Perangkaan Malaysia buat pertama kali melancarkan *dashboard* penduduk: *MyDemography Dashboard* yang memaparkan data interaktif visualisasi penduduk dan demografi terpilih untuk menggambarkan perubahan penduduk di peringkat Malaysia dan negeri bermula dari tahun 1970 hingga 2020. *MyDemography* ini mengandungi empat segmen utama iaitu *MyPopulation*, *MyVital*, *MyAgeing* dan *MyGender*.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Empat segmen utama dalam *MyDemography* ini mengandungi statistik penduduk mengikut jantina, kumpulan etnik utama, kumpulan umur utama, indikator perangkaan penting. Indikator perangkaan penting merangkumi kadar kelahiran kasar, kadar kematian kasar, kadar perkahwinan dan perceraian kasar serta umur purata perkahwinan dan perceraian. Selari dengan peralihan struktur umur tua ke arah penuaan penduduk, segmen *MyAgeing* memaparkan ciri-ciri penduduk mengikut kategori penuaan, jangkaan hayat ketika lahir serta penuaan penduduk dunia”.

Tambah beliau lagi, “Segmen *MyGender* memaparkan Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) di peringkat nasional dan negeri yang terdiri daripada empat sub-indeks dan 14 variabel. Indeks ini mengenal pasti jurang antara wanita dan lelaki dalam empat sub-indeks: Peluang dan penyertaan ekonomi; Pencapaian pendidikan; Kesihatan dan kehidupan; dan Penggunaan politik”.

Beliau menambah, “*MyDemography* memaparkan statistik demografi kependudukan dan lain-lain indikator sosio-ekonomi sebagai input penting kepada perubahan transisi demografi di Malaysia. Dengan adanya platform *MyDemography*, penyelidik dan ahli akademik boleh melaksanakan analisis deskriptif dan ramalan terutamanya dalam bidang kependudukan, kesihatan dan kajian sosial”.


Pada majlis yang sama, Ketua Perangkawan Malaysia turut merasmikan Sambutan Hari Penduduk Sedunia Peringkat Jabatan Perangkaan Malaysia. Hari Penduduk Sedunia yang disambut pada 11 Julai setiap tahun di seluruh dunia turut disambut di Malaysia. Tema sambutan pada tahun 2022 ialah “Dunia 8 Bilion: Ke Arah Masa Depan Berdaya Tahan – Memanfaatkan Peluang dan Memastikan Hak dan Pilihan untuk Semua”. Pelbagai aktiviti akan dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di peringkat nasional dan antarabangsa bermula Julai sehingga Oktober 2022. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada Julai 2022 ialah pemakluman sambutan Hari Penduduk Sedunia melalui kenyataan akhbar, infografik statistik kependudukan, Siri Jelajah Banci Subnasional DUN dan Parlimen serta *Regional Training Workshop "Harnessing Opportunities Towards Resilient Future Through Census Data"* dengan kerjasama Universiti Malaya (UM), dan pakar dari *Integrated Public Use MicroData Series (IPUMS)* dan *United Nations Population Fund (UNFPA)*.

Aktiviti sambutan Hari Penduduk Sedunia diteruskan pada Ogos 2022 dengan Peraduan MyCensus yang melibatkan penyertaan di kalangan pelajar pelbagai peringkat. Kemuncak sambutan ialah Kolokium Penduduk yang akan diadakan pada September 2022 yang akan mengumpulkan pakar kependudukan dan ahli akademik bagi membincangkan isu kependudukan masa hadapan. Sebagai penutup, Datathon MyCensus akan diadakan pada Oktober 2022 yang menumpukan pada penggunaan teknik sains data untuk menyelesaikan isu kependudukan dan demografi.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh daripada portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/pocketstatsS1\\_2022](https://bit.ly/pocketstatsS1_2022).

*Dashboard MyDemography* boleh diakses melalui aplikasi mudah alih atau pautan <https://www.dosm.gov.my/mydemography/>. *Dashboard* ini akan dikemaskini dan ditambah dari semasa ke semasa.



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
21 JULAI 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## MEDIA STATEMENT

### **WORLD POPULATION DAY CELEBRATION DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA AND LAUNCHING OF MYDEMOGRAPHY DASHBOARD**

---

#### **DEMOGRAPHIC TRANSITION AND SETTING THE NATION IN FACING FUTURE CHALLENGES**

**PUTRAJAYA, JULY 21, 2022** - Department of Statistics, Malaysia has released the first dashboard on population: MyDemography Dashboard which presents interactive data visualizations of population and selected demographic at the national and state levels from 1970 to 2020. It contains four main segments: MyPopulation, MyVital, MyAgeing and MyGender.

According to the Chief Statistician Malaysia, YBhg. Dato 'Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The four main segments in MyDemography contain population statistics by sex, major ethnic groups, major age groups and vital statistics. Vital statistics comprises indicators crude birth rate, crude death rate, crude marriage and divorce rate as well as mean age of marriage and divorce. In line with the transition of the old age structure towards an ageing population, the MyAgeing segment presents population characteristics by categories of ageing, life expectancy at birth as well as ageing population in the world".

He also added, "MyGender segment presents the Malaysia Gender Gap Index (MGGI) at the national and state levels comprises of four sub-indices and 14 variables. This index identifies gaps between women and men across four sub-indices: Economic participation and opportunity; Educational attainment; Health and survival; and Political empowerment".

*He added, "MyDemography displays population demographic statistics and other socio-economic indicators pertinent to demographic transition changes in Malaysia. With this MyDemography platform, researchers and academia can perform descriptive and predictive analysis especially in the areas of population, health and social studies".*


*During the ceremony, the Chief Statistician of Malaysia also officiated the World Population Day Celebration at the Department of Statistics Malaysia. World Population Day is celebrated on July 11 every year around the world is also celebrated in Malaysia. The theme of the celebration in 2022 is "A World of 8 Billion: Towards a Resilient Future-Harnessing Opportunities and Ensuring Rights and Choices for All". Various activities will be organised by the Department of Statistics Malaysia at the national and international levels from July to October of 2022. Among the activities conducted in July 2022 are press release on World Population Day celebrations, population statistics infographics, Road Tour on Census Subnational DUN and Parliament as well as the Regional Training Workshop "Harnessing Opportunities Towards Resilient Future Through Census Data" in collaboration with Universiti Malaya (UM) and experts from Integrated Public Use MicroData Series (IPUMS) and United Nations Population Fund (UNFPA).*

*The World Population Day celebration activities continued in August 2022 MyCensus Contest involving the participation students at various levels. The peak of the celebration is Population Colloquium to be held in September 2022 which will bring together population experts and academicians to discuss population issues moving forward. In closing, MyCensus Datathon will be held in October 2022 which focuses on the use of data science techniques to resolve population and demographic issues.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

DOSM also released economic and social statistics, namely *PocketStats* which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022).

*MyDemography Dashboard* can be accessed via mobile apps or link <https://www.dosm.gov.my/mydemography/>. This dashboard will be updated and improved from time to time.



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**  
**21<sup>st</sup> JULY 2022**